

## **MAJLIS PENUTUP SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2013**

23/02/2013

### **DATARAN LABUAN LABUAN**

Bismillahir Rahman nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera

YB Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin  
Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar dan isteri

YB Dato' Seri Mohd Shafie Bin Hj. Apdal  
Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah dan isteri

YB Datuk Yusoff Bin Hj Mahal  
Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Labuan merangkap Pengerusi Perbadanan Labuan dan isteri

YBhg. Dato' Adnan Bin Hj Md Ikhsan  
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Isteri

YBhg. Datuk Seri Ahmad Phesal Bin Talib  
Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Isteri

YBhg. Tan Sri Datuk Seri Dr. Aseh Che Mat  
Presiden Perbadanan Putrajaya dan Isteri

Yg Berusaha Tn. Hj. Zainol bin Zainal Abidin  
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan dan Isteri

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Wakil Kedutaan

YBhg. Tan Sri-tan Sri, Datuk Seri-Datuk Seri, Datuk-Datuk, Rakan-rakan Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Warga Wilayah Persekutuan Labuan yang saya kasihi sekalian.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang terus menganugerahkan kita kekuatan dan kesihatan, keamanan dan kesejahteraan bagi kita bersama-sama berhimpun di Majlis Penutup Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2013 ini.

### **PENGHARGAAN**

Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan dalam menjayakan Majlis Penutup Sambutan Hari Wilayah Persekutuan kali kesembilan yang menggabungkan ketiga-tiga wilayah iaitu Wilayah Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya semenjak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar diwujudkan pada 27 Mac 2004.

2. Dalam kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kerana telah menjemput saya sekali lagi bersama para hadirin untuk merasai kemeriahan Hari Wilayah Persekutuan. Semasa Majlis Pelancaran Hari Wilayah Persekutuan pada 2 Februari 2013 yang lalu di Stadium Bola Sepak, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur saya telah merasakan kemeriahan sambutan yang diberikan oleh warga di Kuala Lumpur dan kali ini saya diberi peluang pula untuk merasakan kemeriahan Majlis Penutup Sambutan Hari Wilayah Persekutuan bersama warga Labuan.

#### PERPADUAN TERAS KESEJAHTERAAN RAKYAT

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Menyingkap penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 39 tahun yang lalu, diikuti oleh penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya, kita semua dapat melihat dengan jelas faedah-faedah kemajuan dan kesejahteraan yang dapat dinikmati oleh warga Wilayah Persekutuan. Haruslah diingat bahawa kemajuan yang dicapai ini tidak datang sendiri tetapi adalah hasil daripada keamanan yang wujud, perpaduan kaum yang erat dan sokongan padu tuan-puan kepada Kerajaan. Ini amat sesuai sekali dengan tema Hari Wilayah Persekutuan yang dipilih pada tahun ini iaitu "Perpaduan Teras Kesejahteraan Wilayah Persekutuan".

4. Kita semua perlu berbangga kerana keamanan dan perpaduan ini terbentuk hasil daripada nilai-nilai budaya dan tradisi bangsa kita seperti perhubungan kekeluargaan, semangat bantu-membantu dan sifat hormat-menghormati.

5. Inilah nilai budaya dan tradisi kita yang masih relevan dan perlu kita pelihara demi masa depan kita bersama. Kepelbagaian kita dari latar belakang keturunan, bangsa dan agama merupakan tunjang kekuatan kita sebagai 1 Bangsa Malaysia yang unik dan dihormati di mata dunia.

6. Saya juga ingin mengajak semua warga Wilayah Persekutuan bersama-sama bersatu hati dan berusaha dengan lebih gigih bagi memastikan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi melalui program-program transformasi negara yang dipelopori dan diterajui oleh Wilayah Persekutuan.

#### MENGEKALKAN KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Kerajaan telah melaksanakan Pelan Transformasi Kerajaan yang melibatkan tujuh (7) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Di samping itu, bagi meningkatkan ekonomi, Kerajaan juga telah memperkenalkan Model Baru Ekonomi yang akan melonjakkan ekonomi negara kita sebagai negara maju yang berpendapatan tinggi. Tahun 2012 merupakan tahun berakhirnya fasa pertama yang menyaksikan tamatnya inisiatif transformasi melibatkan bidang Kerajaan, Ekonomi dan Politik. Kesan inisiatif ini amat positif.

8. Di peringkat global, Malaysia telah mencapai peningkatan yang membanggakan. Laporan Bank Dunia, "Doing Business 2013" misalnya, telah meletakkan Malaysia sebagai negara ke-12 paling mudah berurus niaga di dunia manakala laporan "World Competitiveness Yearbook 2012" telah menempatkan Malaysia sebagai negara ke-14 paling berdaya saing di dunia.

9. Kesejahteraan dan kemakmuran yang kita nikmati ketika ini merupakan satu proses kitaran yang saling menyokong di antara satu sama lain. Adalah menjadi peranan Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur yang terancang dan berkualiti bagi memastikan bandar raya yang didiami rakyat adalah bandar raya yang berkualiti, dengan ekonomi yang kukuh dan persekitaran yang berdaya huni.

10. Ini bagi memastikan keselamatan warganya terjamin dan keharmonian terpelihara, lalu memberi peluang kepada rakyat untuk meningkatkan keupayaan modal insan, dan membentuk masyarakat yang berilmu dan bermoral tinggi. Di akhir kitaran ini, adalah penting sokongan padu dan mandat tuan-puan kepada Kerajaan sedia ada untuk terus memberi khidmat bagi mengekalkan kesejahteraan ini.

11. Kesan daripada kemajuan yang dicapai oleh Malaysia telah meletakkan pertumbuhan ekonomi bagi Wilayah Persekutuan Labuan di tempat yang ke-5 di antara negeri-negeri di Malaysia dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang meningkat kepada 6% pada tahun 2010 berbanding negatif 2.3% pada tahun 2009.

12. Bagi terus menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi Labuan, Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia ke-10, telah memperuntukkan sebanyak RM390.72 juta bagi melaksanakan projek pembangunan dan sehingga kini, di bawah Rolling Plan ke-3, peruntukan yang telah diagihkan adalah berjumlah RM145.22 juta. Inisiatif ini akan mewujudkan satu persekitaran yang kondusif untuk menjalankan perniagaan dan menyumbang ke arah kehidupan warga Labuan yang lebih sejahtera.

13. Pada tahun 2011, 651 buah syarikat baru yang terlibat dalam sektor kewangan telah ditubuhkan di Labuan. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.1% dari tahun 2010. Sehingga kini sebanyak 8,655 buah syarikat sedang beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan. Dari jumlah tersebut, 70% syarikat berasal daripada Wilayah Asia Pasifik dan Timur Jauh (Asia-Pacific and Far East Region) manakala 13% merupakan syarikat Eropah dan 10% lagi daripada Amerika.

14. Berdasarkan jumlah keseluruhan ini, Leasing Company merupakan penyumbang terbesar dalam industri kewangan antarabangsa melibatkan 227 buah syarikat dengan aset terkumpul berjumlah USD27.6 billion.

## INISIATIF PEMBANGUNAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada kesejahteraan hidup rakyat khususnya di

Labuan. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah dijana dan dilaksanakan agar warga Labuan dapat menikmati manfaat yang besar.

#### Projek Rumah Mampu Milik

16. Pada 30 Oktober 2012, saya telah memberi komitmen untuk membantu rakyat Labuan memiliki rumah sendiri melalui projek penyediaan 1,000 unit Rumah Mampu Milik yang akan dibina di Wilayah Persekutuan Labuan dalam tempoh tiga tahun, melalui Jabatan Perumahan Negara, dan Syarikat Perumahan Negara Berhad. Pada hari ini, selaras dengan hasrat dan slogan kerajaan iaitu 'Janji Ditepati', saya telah merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Rumah Mampu Milik di Kampung Ganggarak petang tadi.

17. Untuk makluman semua, projek ini merupakan kesinambungan kepada janji kerajaan pusat seperti mana yang telah dibentangkan di dalam Bajet 2013 oleh YAB Perdana Menteri di bawah program Perumahan Untuk Rakyat. Janji ini merupakan satu komitmen bagi memastikan setiap rakyat Malaysia berpeluang memiliki rumah sendiri dan merupakan satu prioriti berterusan.

#### Inisiatif Mengurangkan Kos / Harga Barangan Yang Tinggi Di Wilayah Persekutuan Labuan

18. Pelaksanaan diskaun 50% tambang feri dan bot di Wilayah Persekutuan Labuan telah mula dilaksanakan bermula 1 Januari 2013. Diskaun ini meliputi tambang penumpang dan tambang kenderaan komersial, dan Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM17 juta untuk tahun 2013 bagi tujuan tersebut.

19. Diharapkan melalui diskaun ini, kos pengangkutan barangan dapat dikurangkan dan seterusnya harga barangan keperluan menjadi lebih rendah. Saya menyeru kepada peniaga-peniaga agar dapat memainkan peranan dengan mengkaji semula harga-harga barangan di Wilayah Persekutuan Labuan agar diturunkan supaya dapat meningkatkan lagi kuasa membeli di kalangan warga Wilayah Persekutuan. Ini seterusnya akan juga memberi manfaat kepada peniaga.

20. Saya turut difahamkan daripada pengusaha-pengusaha bot sendiri bahawasanya terdapat peningkatan penumpang yang ketara sejak diskaun ini mula dilaksanakan. Ini secara tidak langsung memberikan impak ekonomi yang positif kepada Wilayah Persekutuan Labuan membabitkan kedatangan pelancong tempatan.

#### Inisiatif Mengurangkan Kesyakan Jalan Raya Di Wilayah Persekutuan Labuan

21. Pembinaan prasarana untuk faedah warga Labuan akan terus diperhebatkan lagi. Ini termasuk usaha untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di bandar Labuan. Justeru, satu laluan alternatif iaitu pembinaan jalan raya baru di Kampung Gersik untuk memendekkan jarak perjalanan dari Lapangan Terbang Labuan ke Kawasan Perindustrian Ranche-Ranche akan dilaksanakan.

22. Dengan pembinaan jalan pintas ini, akan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar Labuan serta membantu merencanakan aktiviti berkaitan minyak dan gas di kawasan perindustrian tersebut.

## Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan Bagi Kesejahteraan Warga WP Labuan

23. Dari aspek keselamatan pula, Kerajaan akan membina sebuah Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat yang baru di Labuan. Ini akan dapat meningkatkan operasi bagi menangani pelbagai bentuk bencana dengan lebih berkesan.

24. Bagi keselesaan penduduk, Projek Pembinaan Stesen Teksi dan Bas Baru Labuan telah pun siap dan akan beroperasi seawal Mac 2013. Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM5.4 juta dan akan memberikan manfaat kepada seluruh warga Labuan. Kapasiti stesen ini menempatkan 132 ruang parkir berbumbung untuk kereta, bas dan teksi, di samping kemudahan pejabat dan gerai.

## Usaha Kerajaan Menjadikan Labuan Destinasi Pelancongan Terkemuka

25. Bagi pelancongan pula, adalah amat jelas bahawa Labuan mempunyai pelbagai tarikan semula jadi seperti pantai dan pulau yang indah, aktiviti-aktiviti pelancongan sukan seperti Labuan International Sea Challenge dan sukan memancing. Justeru, saya berharap usaha yang lebih gigih dapat diambil oleh semua pihak yang berkaitan bagi mewujudkan lebih banyak ikon pelancongan yang boleh dipromosikan di peringkat serantau dan antarabangsa.

26. Saya amat gembira bila diberitahu bahawa YB Menteri telah menyusun semula satu task force bagi menentukan hala tuju industri pelancongan ini. Saya yakin cadangan untuk memberi tumpuan terhadap beberapa acara baru seperti Pedal for Peace, Borneo Art Festival, Aroma Festival dan sebagainya di sepanjang tahun 2013 akan menggalakkan lagi peningkatan jumlah pelancong ke Labuan.

27. Selain itu, Projek Pembinaan Taman Rekreasi Offshore (Padang Golf) Kiamsam akan siap sepenuhnya pertengahan tahun 2013 dan merupakan antara produk pelancongan baru yang dapat menarik High End Tourists di kalangan pelancong Korea, Jepun dan Taiwan.

## Wilayah Persekutuan Labuan Sebagai Pusat Perdagangan Industri Minyak dan Gas Antarabangsa

28. Ekspo Minyak dan Gas Asia 2012 yang telah saya rasmikan pada 30 Oktober 2012 yang lalu telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Ini merupakan petanda baik bahawa Labuan mempunyai potensi besar dalam sektor minyak dan gas.

29. Bagi merancakkan lagi kegiatan industri ini, kerajaan telah mengenal pasti tiga (3) projek utama untuk dilaksanakan iaitu, pertama; Peluasan Offshore Supply Base; kedua, peluasan industri penyelenggaraan perkapalan dan ketiga; menaik taraf infrastruktur dan utiliti di kawasan perindustrian Ranca-Ranca.

30. Bagi menyokong projek utama ini, Kerajaan telah meluluskan empat (4) projek menaik taraf infrastruktur dan utiliti dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM166 juta bagi mengukuhkan kedudukan Labuan sebagai hab minyak dan gas di rantau Asia. Langkah ini akan melengkapkan usaha-usaha membangunkan Labuan sebagai Pusat Peniagaan dan Kewangan

Antarabangsa dan mengukuhkan lagi fungsinya sebagai pelabuhan bebas cukai.

31. Kesan daripada inisiatif ini, Kerajaan mengunjurkan dapat menarik pelaburan daripada pihak swasta sebanyak RM2.4 bilion yang akan mewujudkan 3,029 peluang pekerjaan di Labuan. Usaha-usaha ini akan membolehkan Labuan muncul sebagai sebuah hab minyak dan gas yang terulung di rantau ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

32. Bagi memastikan kejayaan Wilayah Persekutuan khususnya Wilayah Persekutuan Labuan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua pihak supaya terus bersatu dan bekerjasama dalam menyokong usaha Kerajaan membangunkan Wilayah Persekutuan.

33. Akhirnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan yang telah menjayakan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi tahun 2013.

34. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan sukacitanya saya mengisytiharkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2013 ditutup dengan rasminya.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima Kasih.